

CECAIR DITELINGA TENGAH

ANATOMI

Telinga tengah adalah bahagian telinga yang menghubungkan gendang telinga dengan telinga dalam. Ia mengandungi ruang udara yang sempit dan 3 tulang kecil dipanggil Maleus, Inkus dan stapes. Telinga tengah dihubungkan dengan hidung melalui saluran Eustasion. Ia berfungsi sebagai perantara penghantaran bunyi yang dikumpulkan pada cuping telinga keorgan deria pendengaran (Koklea).

APA KAH CECAIR DI TELINGA TENGAH.



Cecair di telinga tengah adalah cecair yang terkumpul didalam telinga tengah mengakibatkan pergerakan gendang dan 3 tulang kecil telinga terhalang. Ini mengakibatkan kurang pendengaran

KENAPA

Ia berlaku akibat pengumpulan rembesan dari dinding telinga tengah itu sendiri. Ini disebabkan ketidak seimbangan atmosfera di dalam telinga dan atmosfera luar. Ia biasanya tiada kuman kecuali telinga tengah dijangkiti kuman.

PUNCA

Ia berlaku akibat saluran Eustasion tertutup dan Atmosfefa di telinga tengah berbeza dengan atmosfera luar. Punca utama adalah seperti berikut:

1. **Selsema**
2. **Sinusitis.**
3. **Tonsilitis**
4. **Adenoiditis**

Diantara lain adalah:

1. **ketumbuhan seperti kanser didalam hidung.**
2. **Kecacatan konginital seperti cleft palate, down syndrome.**
3. **Turun dari altitud tinggi ke altitud rendah seperti didalam kapal terbang, penyelam kedasar laut.**

MASAALAH YANG DIHADAPI

Penyakit ini kerap berlaku pada kanak-kanak kerana mereka mudah mendapat selsema, tonsilitis, adenoiditis dan saluran eustasion mereka lebih pendek dan horizontal dari orang dewasa. Keluhan yang sering diutarakan adalah:

1. **Pesakit merasa kurang pendengaran**
2. **Ketidak selesaian didalam telinga dimana telinga rasa tersumbat dan sedikit sakit.**
3. **Telinga berdesing**

4. **Kanak-kanak lewat bercakap selepas 3 tahun.**
5. **kanak-kanak kurang memberi perhatian didalam kelas dan kemerosotan dalam pelajaran.**

CARA HINDARI


1. Dapatkan rawatan awal apabila berlaku selsema.
2. Dapatkan rawatan apabila terasa ketidakselesaian didalam telinga.
3. Banyakkan menelan air liur atau mengunyah chewing gum sewaktu kapal terbang mendarat.

RAWATAN

UBATAN

1. Rawat punca seperti yang disenaraikan jika ada.
2. Menggunakan ubat semburan hidung untuk memulihkan fungsi *tiub eustachean*.

PEMBEDAHAN



2. Dapatkan rawatan awal apabila selsema.
3. Jika ada masalah telinga, hidung dan tekak sila dapatkan rawatan Pakar di Jabatan Otorinolaringologi, Hospital Melaka.

Tel. Klinik : 06-2892693



**JABATAN
PEMBEDAHAN
OTORINOLARINGOLOGI
, KEPALA DAN LEHER**

HOSPITAL MELAKA.

**JALAN MUFTI HAJI
KHALIL, 75400, MELAKA**

CECAIR TELINGA TENGAH



JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

HOSPITAL MELAKA

Pembedahan dilakukan apabila rawatan ubatan gagal.

Dengan menebuk sedikit pada gendang telinga dan disedut air keluar.

Tiub kecil dipasang pada tebukkan tadi untuk membenarkan pengudaraan pada telinga tengah..

Tiub akan gugur sendiri antara 6 minggu ke 2 tahun.

Ia hanya dikeluarkan oleh doktor jika terdapat jangkitan.

RISIKO PEMBEDAHAN.

Risiko adalah rendah.

1. Kecederaan berlaku pada struktur di telinga tengah sewaktu operasi dijalankan.
2. Gendang telinga kekal berlubang.

PENJAGAAN

1. Elakkan telinga dimasuki air.